

3.5.2021

SIARAN MEDIA

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

FIKIRKAN UNTUK PULIHARA ULU MUDA TERLEBIH DAHULU UNTUK URUS SUNGAI MUDA

- **Lembangan Sungai Muda adalah sebahagian daripada Lembaran Ulu Muda.**
- **Ulu Muda mesti dilindungi dan dipulihara untuk memastikan air mentah mencukupi dan selamat untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Isnin, 3.5.2021: Pulau Pinang menyokong pengumuman Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) mengenai cadangan penubuhan “Lembaga Lembaran Sungai Muda” (MRBA).

Pada 19.3.2021, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mengeluarkan siaran media yang menyarankan penubuhan “Lembaga Lembaran Ulu Muda” (UMBA) untuk menyusun dan melaksanakan “Rancangan Lembaran Ulu Muda” bagi kepentingan 4.2 juta orang penduduk di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Pada 30.4.2021, Ketua Setiausaha KASA, Datuk Seri Zaini Ujang dipetik dalam sebuah laporan berita (The Star, Nation) sebagai menyatakan bahawa penubuhan MRBA akan menyelesaikan pertelingkahan antara Kedah dan Pulau Pinang ke atas Sungai Muda.

Dari segi konsep, perbezaan antara “UMBA” yang dicadangkan Pulau Pinang dan “MRBA” yang dicadangkan oleh KASA adalah cadangan Pulau Pinang adalah untuk melindungi tadahan air di Empangan Muda, Pedu dan Ahning sementara cadangan oleh KASA hanya terbatas untuk melindungi lembangan Sungai Muda.

Cadangan Pulau Pinang adalah untuk melindungi tadahan air Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sementara MRBA terhad untuk hanya melindungi lembangan sungai Selatan Kedah.

Ini bermaksud “kawasan tadahan air” merujuk kepada hutan hujan dan anak sungai sebelum empangan sementara lembangan sungai merujuk kepada sub-tadahan anak sungai selepas empangan. Oleh yang demikian, kita perlu melindungi kawasan tadahan air yang menjadi permulaan lembangan sungai.

Kepentingan Ulu Muda

Air yang mengalir melalui Sungai Muda sebenarnya adalah air hujan yang “dikumpulkan” di hutan hujan Ulu Muda dan anak sungai Lembangan Sungai Muda selepas Empangan Muda.

Oleh itu, Ulu Muda mesti dilindungi dan dipulihara (secara sah, sepenuhnya dan secara mampan) sebagai sumber air mentah terpenting di NCER. Ini untuk melestarikan hasil Sungai Muda ketika cuaca kering.

Ulu Muda mengumpulkan 70% air mentah Perlis dan 96% air mentah Kedah. Pulau Pinang mengabstrak lebih 80% air mentahnya dari Sungai Muda setiap hari. Oleh itu, kesihatan dan kesejahteraan 3 negeri NCER berkait secara langsung dengan kesihatan dan kesejahteraan hutan hujan Ulu Muda.

Utamakan pemuliharaan Ulu Muda

Ulu Muda adalah sumber air mentah untuk Empangan Muda, Pedu dan Ahning. Oleh itu, KASA harus melaksanakan langkah-langkah untuk melindungi dan memulihara Ulu Muda sebelum menubuhkan MRBA.

Izinkan saya mengulangi cadangan Pulau Pinang mengenai langkah segera yang harus diambil oleh KASA dan Kerajaan Persekutuan:

1. Haramkan semua aktiviti pembalakan di Ulu Muda, dengan segera sama sekali. Penebangan ribuan pokok akan menjejaskan prestasi Ulu Muda sebagai sebahagian dari lembangan air Sungai Muda atau kawasan tadahan air.

2. Halang sebarang aktiviti perlombongan yang boleh berlaku di Ulu Muda, terutamanya eksplorasi perlombongan REE. Dalam soal membabitkan bekalan air, risiko pencemaran tanah dan air harus dielakkan dengan apa cara sekalipun.
3. Memberi pampasan kepada Kedah dengan dana Persekutuan setelah 163,000 ha. kawasan hutan hujan diwartakan, dilindungi dan dikategorikan sebagai “hutan tadahan air” yang tidak dapat disentuh di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Pulau Pinang menyokong pembayaran pampasan Persekutuan untuk Kedah sekiranya Kedah komited sepenuhnya untuk melindungi dan memulihara Ulu Muda sebagai sumber air mentah NCER.

Kesimpulannya, Pulau Pinang dan PBAPP berterima kasih kerana KASA mempertimbangkan dengan serius penubuhan sebuah lembaga lembangan sungai untuk menguruskan Sungai Muda kerana Sungai Muda adalah satu-satunya sumber air mentah utama Pulau Pinang sekarang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP mencadangkan untuk menubuhkan UMBA sebagai penyelesaian kepada pertikaian air mentah Pulau Pinang – Kedah dan pada masa yang sama melindungi dan memulihara kawasan tadahan air Ulu Muda untuk NCER.

UMBA yang dicadangkan boleh dimodelkan daripada *Murray-Darling Basin Authority* (MDBA) yang menguruskan *Murray-Darling Basin* untuk Kerajaan Komanwel Australia dan 5 negeri: Queensland, New South Wales, Australian Capital Territory (ACT), Victoria dan Australia Selatan.

Walau bagaimanapun, KASA perlu melihat “gambaran yang menyeluruh” dan memberi keutamaan kepada perlindungan yang betul dan pemuliharaan lestari Ulu Muda ketika ini. Boleh dikatakan ia adalah komponen terpenting dari lembah Sungai Muda, dan ia berada dalam keadaan terancam.

Terima kasih.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my